



PENGGUNA jalan raya meredah banjir kilat di Jalan Tun Razak ekoran hujan lebat di ibu kota, semalam.

- Gambar Bernama

UM 16/10/2006

KL sesak akibat banjir kilat

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Hujan lebat selama dua jam di ibu negara petang ini menyebabkan berlaku keadaan kelam-kabut dengan beberapa kawasan mengalami banjir kilat.

Hujan yang bermula kira-kira pukul 4.30 petang itu juga menyebabkan beribu-ribu kenderaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas yang teruk sehingga pukul 6.30 petang.

Hampir semua laluan termasuk jalan-jalan kecil di ibu kota dipenuhi kenderaan yang cuba mengelak kesesakan di jalan utama.

Jalan utama yang teruk dilanda banjir kilat ialah Jalan Travers di Bangsar, Jalan Pan-

tai Baru, Jalan Bukit Pantai, Jalan Tun Sambanthan di Brickfields, Lebuhraya Persekutuan menuju ke Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) serta Jalan Tun Razak.

Selain itu, beberapa jalan di sekitar Cheras juga dinaiki air sehingga satu meter terutamanya di kawasan-kawasan yang rendah.

Jurucakap pasukan penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, banjir kilat turut berlaku dari Salak Selatan hingga ke Jalan Mas dan persimpangan Jalan Cheras akibat air yang melimpah dari sungai berhampiran.